

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
(HULU RAJANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.10.2016**

**Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG [ HULU RAJANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah rumah panjang di Sarawak yang telah diberikan pinjaman tanpa faedah, dan nyatakan jumlah pinjaman yang telah diluluskan sehingga hari ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan setiap tahun menyediakan peruntukan kepada Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah Sabah/ Sarawak yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan diuruskan oleh Perbadanan

Pembangunan Perumahan Sarawak. Oleh itu, kuasa untuk kelulusan pinjaman berada di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Perumahan Sarawak menunjukkan pinjaman tanpa faedah yang telah diluluskan bagi rumah panjang di Sarawak dari tahun 2006 sehingga 2016 adalah berjumlah RM69.85 juta dengan bilangan unit yang terlibat sebanyak 6,561 pintu.